

(11 Januari 2022) Berita Harian • p. 6

Kawasan tadahan air perlu diwartakan

Kolam takungan berfungsi sebagai kawalan curahan hujan berlebihan

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: Sebarang gangguan terhadap kawasan tadahan air di Kuala Lumpur adalah berisiko berikutan kedudukan ibu kota yang tiada kawasan penyerap air selain kerap berlaku banjir kilat.

Presiden Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS), Prof Dr Ahmad Ismail, berkata mana-mana kolam takungan air yang dicadangkan sebagai kawasan tadahan sepatutnya sudah diwartakan bagi memastikan ia boleh berfungsi sebagai kawalan curahan hujan berlebihan.

Sehubungan itu, beliau berkata, wartawan itu juga penting bagi mengelakkan sebarang projek pembangunan dibuat di kawasan sensitif itu.

“Timbul persoalan sekiranya kolam takungan air dicadangkan

sebagai kawasan tadahan air, kenapa ia tidak diwartakan?”

“Kuala Lumpur misalnya perlu mempunyai kawasan takungan yang mencukupi untuk mengelakkan kawasan banjir dan atas sebab itu amat penting untuk ia diwartakan.

“Sekiranya berlaku taburan hujan berlebihan di atas lebuhraya di ibu kota contohnya, air tidak boleh masuk ke dalam tanah dan atas dasar itu ia perlu dialirkan kepada kolam takungan,” katanya kepada BH.

Sebelum ini, Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2019 yang dibentangkan baru-baru ini mendedahkan, sebanyak 943 kebenaran perancangan diluluskan Datuk Bandar Kuala Lumpur dari tahun 2015 sehingga 2020.

Berdasarkan LKAN itu, enam kolam takungan air yang diluluskan pemberimilikan bagi tujuan pembangunan iaitu Batu, Nanyang, delima Taman Wahyu, Batu 4 1/2 dan Taman Desa.

Mengulas lanjut, Ahmad berkata, pengalaman kejadian banjir yang berlaku pada 18 Disember lalu di beberapa kawasan di ibu kota dan Selangor memberi pengajaran bahawa pentingnya kawasan takungan air dan ka-



Kolam Takungan Banjir Batu tampung jumlah hujan berlebihan.

(Foto Saifullizan Tamadi/BH)

wasan hijau dikekalkan di dalam bandar.

“Kalau kita rujuk peraturan sedia ada seperti kawasan hijau, takungan air dan kawasan lapang sudah menjadi satu keperluan untuk kesejahteraan bandar bagi penduduknya.

“Ia bukan sahaja untuk manusia tetapi juga untuk alam sekitar dan haiwan liar yang berkongsi hidup dengan manusia,” katanya.

Sementara itu, Ahli Parlimen Lembah Pantai, Ahmad Fahmi Mohamed Fadzil menggesa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) membatalkan kebenaran membangun (DO) membabitkan enam kolam takungan air yang sudah diberi hak milik kepada syarikat pemaju.

Beliau berkata, Datuk Bandar

“Kuala Lumpur misalnya perlu mempunyai kawasan takungan yang mencukupi untuk mengelakkan kawasan banjir dan atas sebab itu amat penting untuk ia diwartakan”



Ahmad Ismail,
Presiden MNS

mempunyai kuasa untuk membatalkan mana-mana DO jika wujudnya pelanggaran syarat tertentu oleh syarikat pemaju.

“Dalam membabitkan perkara

berkaitan kolam takungan banjir ini wujudnya aspek teknikal yang mana jika ia tidak dipatuhi atau gagal dipatuhi kebenaran itu boleh dibatalkan,” katanya.